GELANGGANG TENIS

جابتن بليا دان سوكن

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



*For Health*
*For Excellence*

ݢلڠݢڠ تينس کومفليکس سوکن نݢارا حسن البلقيه

# GELANGGANG TENIS KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH

TENNIS COURT
HASSANAL BOLKIAH NATIONAL SPORTS COMPLEX



Pintu Masuk Utama • *Main Entrance*

# GELANGGANG TENIS

KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH

## Pengenalan

- Dibina pada bulan Nobember 1983 dan siap pada bulan Julai 1990.
- Dirasmikan oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah pada 17hb Oktober 1992.
- Pembinaan menelan belanja sebanyak $13 Juta.
- Lokasi : Disebelah timur Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



Gelanggang Utar

# Kemudahan-Kemudahan

- 8 Gelanggang Tenis jenis keras termasuk 1 gelanggang utama
- 2 Gelanggang rumput
- 2 Gelanggang tanah liat
- 1 Gelanggang dinding
- Kedai Sukan
- Royal Lounge dan Bilik VIP
- Bilik Persalinan Lelaki dan Perempuan
- Bilik Mesyuarat
- Bilik Pentadbiran
- Surau



Gelanggang Dinding • *Wall Court*



na • *Main Court*

# Waktu Di Buka

TABLE 1: OPENING HOURS

| HARI<br>DAYS | WAKTU PENGGUNAAN<br>OPENING HOURS |
|---|---|
| ISNIN, SELASA, RABU DAN SABTU<br>Mon, Tue, Wed, and Sat | 8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam<br>0800 - 2200 hrs. |
| KHAMIS<br>Thursday | 8.00 Pagi Hingga 6.00 Petang<br>0800 - 1800 hrs. |
| JUMAAT<br>Friday | 8.00 Pagi Hingga 11.00 Pagi<br>2.00 Ptg. Hingga 10.00 Malam<br>0800 - 1100 hrs. / 1400 - 2200 hrs. |
| AHAD<br>Sunday | 8.00 Pagi Hingga 12.00 T/Hari<br>2.00 Ptg. Hingga 10.00 Malam<br>0800 - 1200 hrs. / 1400 - 2200 hrs. |
| DITUTUP:<br>Hari Kelepasan Awam termasuk Hari Keputeraan, Hari Kebangsaan dan Bulan Ramadhan<br>CLOSURE:<br>The complex is closed to public during Junior Scheme Training and Public Holidays such as Ramadhan month, National day, etc. | |

# Kadar Bayaran

TABLE 2: CHARGES

| JENIS PADANG<br>FACILITIES | KADAR BAYARAN<br>CHARGES | WAKTU PENGGUNAAN<br>OPENING HOURS |
|---|---|---|
| GELANGGANG RUMPUT<br>Grass Court | $ 5.00 Sejam<br>Satu Gelanggang<br>B$5.00 per hour per court | 8.00 Pagi hingga<br>6.00 Petang<br>0800 - 1800 hrs. |
| | $ 7.00 Sejam<br>Satu Gelanggang<br>B$7.00 per hour per court | 6.00 Petang hingga<br>10.00 Malam<br>1800 - 2200 hrs. |
| GELANGGANG KERAS<br>Hard Court | $ 4.00 Sejam<br>Satu Gelanggang<br>B$4.00 per hour per court | 8.00 Pagi hingga<br>6.00 Petang<br>0800 - 1800 hrs. |
| | $ 6.00 Sejam<br>Satu Gelanggang<br>B$6.00 per hour per court | 6.00 Petang hingga<br>10.00 Malam<br>1800 - 2200 hrs. |
| GELANGGANG TANAH LIAT<br>Clay Court | $ 6.00 Sejam<br>Satu Gelanggang<br>B$6.00 per hour per court | 8.00 Pagi hingga<br>6.00 Petang<br>0800 - 1800 hrs. |
| | $ 8.00 Sejam<br>Satu Gelanggang<br>B$8.00 per hour per court | 6.00 Petang hingga<br>10.00 Malam<br>1800 - 2200 hrs. |



Gelanggang Tanah Liat • *Clay Court*

# Syarat Penggunaan

**Pihak Kerajaan, Swasta, Sekolah/Maktab & Persatuan Sukan Kebangsaan**

Dinasihatkan supaya membuat tempahan dan menulis surat rasmi ke Pengarah Belia dan Sukan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh penggunaan.

**Orang Ramai**

Dinasihatkan supaya datang terus ke Gelanggang Tenis, KSNHB dan membuat tempahan.

**Atlit Kebangsaan dan Skim Sukan Remaja**

Penggunaan adalah percuma mengikut jadual latihan dan tertakluk kepada kekosongan.

# Peraturan

- Tempahan awal hanya akan di terima pada hari Isnin
- Tempahan persendirian akan di terima dari jam 8.00-12.00 tengahari. Pagi dan 2.00 hingga 4.00 petang.
- Semua tempahan persendirian akan diterima dengan bayaran tunai sahaja. Resit hendaklah ditunjukkan apabila sampai di Kompleks ini untuk mendapatkan gelanggang yang di tempah.
- Semua tempahan adalah terhad kepada dua jam seorang setiap gelanggang bagi setiap tempoh tempahan. Jika setelah bermain dua jam dan jika ada kekosongan gelanggang, maka masa seterusnya bolehlah di bayar kepada atendan untuk bermain.
- Bagi tempahan awal, penempah dikehendaki untuk menunjukkan kad pengenalan jika perlu.
- Kompleks ini berhak, jika perlu untuk membatalkan sebarang tempahan awal.
- Tempahan blok melebihi satu gelanggang hendaklah dipohonkan sebulan lebih awal dan di bayar setelah mendapat makluman yang tempahan di terima. Tempahan blok tidak boleh di buat pada masa paling sibuk (5.00 petang hingga 7.00 malam).

- Tempahan melalui telefon hanya akan di terima dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang dari hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu.
- Jika bayaran bagi tempahan melalui telefon tidak di jelaskan 10 minit sebelum masa tempahan, gelanggang itu akan] dilepaskan kepada orang lain.
- Bagi tempahan melaui telefon, nama dan nombor kad pengenalan akan di catat untuk pengenalan.
- Tempahan gelanggang tenis yang telah di bayar dan tidak digunakan dalam masa sepuluh minit dari waktu tempahan yang ditentukan akan dilepaskan kepada orang lain. Maka penggunaan itu akan dikenakan bayaran.
- Jika berlaku cuaca buruk atau tempahan dibatalkan oleh Kompleks ini atas sebab yang tidak dapat dielakkan, maka tempahan yang sudah di bayar akan diganti kepada minggu/hari berikutnya.



Gelanggang Keras • *Hard Court*



Bilik Persalinan • *Changing Room*



Restoran • *Restaurant*




Papan Eletronik • *Electronic Scoreboard*

- Sebarang pertukaran adalah tidak dibenarkan melainkan ada kekosongan gelanggang.
- Pemegang-pemegang tiket yang dibatalkan yang membuat penggantian melalui telefon mestilah memberikan nama penuh, numbor kad pengenalan dan numbor tiket untuk tujuan rekod dan hanya perlu menunjukkan tiket mereka di kaunter tiket masing masing sebelum memasuki gelanggang.
- Sebarang penukaran/pengganti tidak akan diberikan jika urusan awal tidak dibuat.
- Penempah yang telah menggunakan gelanggang selama 30 minit atau lebih tidak berhak untuk membuat penggantian.
- Pemegang tiket yang dibatalkan yang menunggu gilirang pada hari tempahan akan hanya dibenarkan 2 jam sahaja bagi setiap pemain untuk tempoh tempahan walaupun mereka mungkin memegang tiket pembatalan.
- Semua pemain tenis hendaklah berpakian mengikut peraturan pakaian yang dipamerkan di Kompleks ini. Hanya pemain yang memakai kasut bertapak getah rata akan dibenarkan untuk menggunakan gelanggang.
- Pihak pengurusan berhak untuk mengeluarkan atau menolak orang atau pengguna yang melanggar peraturan ini.
- Jabatan ini berhak membatalkan mana-mana tarikh tempahan pada bila-bila masa jika Gelanggang Tenis tersebut diperlukan bagi penggunaan acara resmi atau jua projek Jabatan atau bagi melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan.



Skim Junior • *Junior Scheme*

# *Maklumat Lanjut*


Sila Hubungi :

**PENGURUS**
**GELANGGANG TENIS**
**Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah**
**Jabatan Belia dan Sukan**
**Negara Brunei Darussalam**
**Tel : 02-380700 ext. 168**


# *Rajah Kedudukan*

**SITE LOCATION**




**Gelanggang Tenis**
**Kompleks Sukan Negara**
**Hassanal Bolkiah**

## *Terima Kasih*

**THANK YOU**



No Littering    No Smoking    No Chewing Gum